

D236

U B145 AAB
MAHATHIR - PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 21 MEI (BERNAMA) -- UMNO (BARU) AKAN MENGADAKAN PERHIMPUNAN AGUNG PERTAMANYA OKTOBER INI UNTUK MELULUSKAN PERLEMBAGAAN PARTI DAN MENENTUKAN TEMPOH MAJLIS TERTINGGI (MT), KATA PRESIDEN PARTI ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI. PERHIMPUNAN ITU TIDAK AKAN DISERTAI OLEH WAKIL-WAKIL YANG DIPILIH DI PERINGKAT BAHAGIAN, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT PARTI ITU DI SRI PERDANA DI SINI.

MENURUT BELIAU, INI ADALAH KERANA USAHA MENYUSUN CAWANGAN-CAWANGAN MASIH DIJALANKAN DAN +KITA TIDAK BOLEH MENGADAKAN PERLANTIKAN DI PERINGKAT BAHAGIAN SEBELUM DIADAKAN PERLANTIKAN DI PERINGKAT CAWANGAN.+

+OLEH KERANA ITU, PERHIMPUNAN AGUNG YANG PERTAMA INI AKAN DIKEHENDAKI MENGESAHKAN PERLEMBAGAAN UMNO (BARU) DAN JUGA MENENTUKAN TEMPOH USIA MAJLIS TERTINGGI YANG ADA,+ JELASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR PERCAYA PADA JANUARI TAHUN DEPAN KESEMUA CAWANGAN AKAN MEMPUNYAI BILANGAN ANGGOTA YANG MENCUKUPI UNTUK MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG DAN MEMBENTUK JAWATANKUASA YANG TETAP DAN MEMILIH WAKIL-WAKIL KE MESYUARAT BAHAGIAN. -- LAGI
1710MST 21 05 88

D237

U B146 AAB
MAHATHIR - PERHIMPUNAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MESYUARAT BAHAGIAN AKAN DIADAKAN PADA APRIL TAHUN DEPAN DAN AKAN DIHADIRI OLEH WAKIL-WAKIL CAWANGAN UNTUK MEMILIH JAWATANKUASA BAHAGIAN DAN WAKIL-WAKIL KE PERHIMPUNAN AGUNG KEDUA PARTI ITU.

PERHIMPUNAN AGUNG KEDUA AKAN DIADAKAN PADA SATU TARIKH YANG AKAN DITETAPKAN KELAK, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERATURAN PERSIDANGAN PERHIMPUNAN AGUNG, BAHAGIAN DAN CAWANGAN UMNO (BARU) TELAH PUN DISAHKAN OLEH PENDAFTAR PERTUBUHAN.

MENGENAI KEANGGOTAAN UMNO (BARU), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERJA-KERJA MENDAFTAR ANGGOTA YANG BERJALAN DENGAN AGAK LEMBAP PADA BULAN PUASA LEPAS AKAN DITINGKATKAN MULAI SEKARANG.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN BILANGAN MEREKA YANG DITERIMA SEBAGAI ANGGOTA UMNO (BARU) KERANA BORANG-BORANG PERMOHONAN MASIH LAGI DITERIMA PADA PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN. -- LAGI
1712MST 21 05 88

0239

U 8148 AAB

MAHATHIR - PERHIMPUNAN 3 KUALA LUMPUR

WALAU PUN PADA MASA INI SERAMAI 200,000 ORANG TELAH PUN
DIDAFTARKAN SEBAGAI ANGGOTA UMNO (BARU), TETAPI BANYAK LAGI BORANG
PERMOHONAN MENJADI ANGGOTA PARTI ITU BELUM DIHANTAR BALIK OLEH
BAHAGIAN DAN CAWANGAN, TAMBAH BELIAU.

MENGENAI DRAMA INGGERIS BERTAJUK +AMONG BARBARIANS+ YANG
MENYIFATKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG TIDAK BERTAMADUN,
BELIAU BERKATA, +IT TAKES A BARBARIAN TO RECOGNISE A BARBARIAN+.

DRAMA INGGERIS ITU MENGISAHKAN TENTANG DUA RAKYAT BRITAIN YANG
DIHUKUM GANTUNG SAMPAI MATI KERANA KESALAHAN MENGEDAR DADAH DI
NEGARA INI.

SEBELUM MESYUARAT MT ITU, BELIAU TELAH MENERIMA CEK BERNILAI
\$20,600.41 HASIL KUTIPAN DERMA MASJID-MASJID DI SELURUH NEGERI KEDAH
ANJURAN SULTAN KEDAH UNTUK DISUMBANGKAN KEPADA TABUNG RAKYAT
PALESTIN. -- BERNAMA

1715MST-21 05 88